

27 AUG 2002

PERDANA MENTERI TIBA DI P.PINANG UNTUK SAMPAIKAN UCAPTAMA

PULAU PINANG, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas tengah hari ini untuk menyampaikan ucap tama pada "Seminar Sektor Perindustrian di Pulau Pinang Sepanjang 30 Tahun" hari ini.

Ketibaan beliau pukul 1 tengah hari disambut kira-kira 2,000 anggota parti komponen Barisan Nasional (BN) yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Hujan lebat yang turun tengah hari ini tidak menghalang orang ramai untuk berkumpul sejak pukul 11 pagi sambil membawa sepanduk dan bendera parti masing-masing serta BN untuk menyambut ketibaan Dr Mahathir.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri, Datuk Dr Hilmi Haji Yahaya, Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Yahaya Abdul Hamid dan anggota Exco kerajaan negeri.

Sebaik tiba di Hotel Equatorial di sini Perdana Menteri menghadiri jamuan tengah hari bersama-sama presiden, naib presiden dan ketua-ketua pegawai eksekutif syarikat-syarikat multinasional yang beroperasi di negeri ini.

Pada majlis itu, beliau juga menyampaikan anugerah kepada lapan buah MNC yang merupakan antara kumpulan pelopor melabur dalam sektor perindustrian sejak ia diwujudkan di sini kira-kira 30 tahun lalu.

Dr Mahathir juga akan mengadakan pertemuan dengan Badan Perhubungan Umno Negeri sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur lewat petang ini.

-- BERNAMA

NER ZU NMO